



SEJAK penularan pandemik Covid-19, penggunaan bahan berasaskan plastik meningkat mendadak di seluruh dunia. - GAMBAR HIASAN



SISA buangan klinikal mengandungi bahan berbahaya dari sudut biologi yang mungkin boleh menyebabkan penyakit berjangkit lain. - GAMBAR HIASAN



Varia

Oleh
DR. VIVIEN HOW

Mengurus peningkatkan sisa plastik kala pandemik

DALAM keadaan pandemik Covid-19 yang semakin meruncing, langkah pengawalan pergerakan terpaksa dijalankan yang secara tidak langsung menurunkan kadar pengeluaran karbon dioksida dalam udara yang biasanya dihasilkan daripada pergerakan manusia atau pun melalui aktiviti perindustrian.

Bagaimanapun, menurut Persatuan Pengurusan Sisa Malaysia (WMAM), sisa pepejal yang dihasilkan dari tempat kediaman meningkat lebih 20 peratus semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dikuatkuasakan.

Dalam keadaan kekurangan tenaga kerja, harga plastik kitar semula yang tidak kompetitif dan infrastruktur yang tidak sempurna di Asia Tenggara, arahan pengawalan pergerakan sebenarnya memburukkan lagi sektor kitar semula.

Sejak pandemik Covid-19 melanda, bumi diancam dengan krisis plastik di saat kebanyakan negara sedang dalam tempoh pengawalan pergerakan.

Contohnya, PKP di Malaysia telah mendorong orang ramai untuk menggunakan perkhidmatan penghantaran makanan yang secara keseluruhan menggunakan plastik bagi membungkus makanan dipesan.

Penggunaan botol cecair pembasmian (sanitizer) yang menjadi keperluan sejak Covid-19 juga turut menjadi faktor kepada krisis ini.

Pihak berkuasa tempatan memaklumkan, jumlah pelitup muka dan botol pembersih tangan yang kosong boleh dijumpai di merata tempat sama ada di jalan atau pun longkang dan jumlahnya meningkat setiap hari.

Sisa klinikal seperti jarum suntikan dan pakaian perlindungan diri (PPE) dari hospital atau klinik kesihatan turut meningkat sebanyak 27 peratus sejak PKP diperkenalkan pada Mac lalu.

Sisa buangan klinikal mengandungi bahan berbahaya dari sudut biologi yang mungkin boleh menyebabkan penyakit berjangkit lain.

Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974



PENGGUNAAN sabun adalah lebih berkesan untuk melindungi diri daripada virus berbanding cecair pembersih tangan. - GAMBAR HIASAN



Sejak pandemik Covid-19 melanda, bumi diancam dengan krisis plastik di saat kebanyakan negara sedang dalam tempoh pengawalan pergerakan."

telah menyenaraikan sampah klinikal sebagai sampah berjadual yang bermaksud ia memerlukan prosedur khusus bagi menguruskannya mengikut garis panduan dikeluarkan Kementerian Kesihatan.

Namun, cabarannya muncul bila mana kemudahan pengendalian sampah yang ada tidak dapat menampung peningkatan penggunaan bahan klinikal semasa pandemik.

Sehingga kini, terdapat enam buah syarikat yang menguruskan sisa buangan klinikal di Malaysia yang semakin meningkat.

Daripada 144 hospital kerajaan dengan anggaran sisa klinikal kini mencapai 90 tan sehari dengan 25 tan daripadanya adalah sisa klinikal

berasaskan daripada kes Covid-19.

Menyedari masalah ini, beberapa pejabat dan kedai mengambil langkah untuk menyediakan tong sampah untuk membuang pelitup muka.

Tetapi ini sebenarnya tidak dapat menyelesaikan masalah mengurangkan penggunaan pelitup muka.

Beberapa pengusaha kecil di Malaysia turut mengambil langkah dengan membuat pelitup muka kain yang dapat digunakan semula bagi melindungi alam sekitar dan mempromosikan penggunaannya dalam kalangan masyarakat yang bukan terlibat dengan kerja-kerja di barisan hadapan.

Sebagai contoh, Karun Hijau, sebuah syarikat keusahawanan sosial yang mendigitalkan perkhidmatan kitar semula telah menggunakan sisa kain terpakai untuk membuat pelitup muka yang boleh dicuci dan dipakai semula sejak awal PKP.

Pengasasnya, Mr. Handson Tan mendakwa, inisiatif ini bukan untuk menggantikan pelitup muka yang disarankan pihak kesihatan.

Idea itu adalah untuk memberi pilihan kepada masyarakat biasa yang tidak terlibat dengan kerja-kerja

di barisan hadapan untuk memilih pelitup muka yang memenuhi standard minimum atas nasihat Kementerian untuk disertakan dengan poket yang boleh digunakan menggantikan penapis.

Handson juga meminta orang ramai agar dididik untuk selalu mencuci pelitup muka dengan pencuci dan air mengikut aturan etika pelitup muka.

Bagi mengatasi masalah botol pembersih tangan terpakai pula, pihak berkuasa telah mempromosikan penggunaan sabun untuk mencuci tangan.

Pusat Pengendalian dan Pencegahan Penyakit (CDC) menunjukkan bahawa air dan sabun adalah lebih baik daripada penggunaan pembersih tangan bagi melindungi diri daripada virus.

Perusahaan sosial Kindle Soaps mempromosikan penggunaan sabun buatan tangan berbanding cecair.

Pengasasnya, Madam Goh LH berkata, sabun jenis cecair memerlukan lima kali lebih banyak tenaga untuk dihasilkan berbanding dengan sabun bar, selain turut membawa kepada penggunaan lebih banyak plastik.

Beliau turut mendedahkan, penjualan dalam taliannya meningkat sekurang-kurangnya 30 peratus dalam beberapa bulan terakhir ini dan turut menerima banyak permintaan.

Dalam pada itu, tahap kesedaran tentang pencemaran plastik secara keseluruhan dalam kalangan rakyat Malaysia masih ditahap yang rendah.

Larangan segera terhadap penggunaan plastik bukanlah penyelesaian utama, jika rakyat Malaysia masih mencari jalan untuk pulih semula daripada perang yang hebat ini.

Asasnya adalah dengan mengubah pemikiran dan tingkah laku masyarakat Malaysia dengan mempraktikkan amalan 3R iaitu penggunaan semula, pengurangan dan kitar semula di negara ini.

DR. VIVIEN HOW merupakan Pensyarah Kanan Jabatan Kesihatan Persekitaran dan Pekerjaan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Universiti Putra Malaysia.